



conference proceeding



SIMPOSIUM NUSANTARA⁹

THE 9TH REGIONAL SYMPOSIUM OF THE MALAY ARCHIPELAGO
Revisit Islamic Civilization and Built Environment In The Malay World

11 & 12 December 2012
Al-Khawarizmi Lecture Hall
UiTM(Perak)

Organized by:
Centre for Knowledge & Understanding of Tropical Architecture & Interior (KUTAI)
Centre for Islamic Thought & Understanding (CITU)
Centre for Architecture, Planning & Surveying (FSPU)
Faculty of Architecture, Planning & Surveying (Perak)
Universiti Teknologi MARA (Perak)
<http://perak.uitm.edu.my/simpora9>



FSPU

PAPER CODE: EP345

PEMBENTUKAN MODEL PENGGUNAAN EMAS SEBAGAI KONTRAK TAKAFUL

Najahudin Lateha^a, Ezani Yaakob^b, Siti Noorbiah Md Rejab^c

^{a,b} Pusat Pemikiran Dan Kefahaman Islam, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

^c Pusat Pemikiran Dan Kefahaman Islam, Universiti Teknologi MARA (Puncak Alam), Malaysia

najahudin@salam.uitm.edu.my

Abstrak

Kontrak takaful di seantero dunia termasuk di Malaysia biasanya berasaskan model mudharabah dan wakalah atau gabungan antaranya. Namun, muamalat Islam sejak zaman Rasulullah SAW telah menyenaraikan pelbagai kontrak lain yang direkabentuk oleh ulama' Islam dalam karya-karya fiqh mereka. Antara kontrak yang boleh diimplimentasikan dalam pasaran kontemporari adalah berkaitan penggunaan emas. Ini sejajar dengan nilai emas yang sentiasa meningkat saban tahun antara 20 hingga 30 peratus sedangkan ringgit mengalami penyusutan nilai akibat inflasi yang meningkat antara tiga hingga lima peratus di negara kita. Ini memberi kesan besar dalam jangka masa panjang terhadap simpanan pencarum dalam organisasi kewangan. Objektif kajian ini akan menonjolkan satu model baru berasaskan penggunaan emas yang boleh diaplikasikan dalam industri takaful. Model yang dicadangkan ini dijangka boleh mengatasi masalah penyusutan nilai sumbangan peserta di samping membantu syarikat takaful berhadapan dengan instrumen pelaburan syariah yang terhad. Kertas ini adalah kajian kualitatif diskriptif dengan data dikumpulkan melalui metod dokumentasi, historis dan observasi terhadap karya, kajian lalu serta sistem operasi takaful sedia ada dan kemudiannya dianalisis secara 'content analysis'. Kertas ini akan membincangkan kontrak-kontrak berkaitan takaful pada zaman awal Islam, kontrak kontemporari, fiqh emas dan pembentukan model takaful yang dicadangkan. Kajian ini bukan setakat membantu syarikat takaful, malah dijangkakan boleh memberi idea kepada institusi kewangan lain seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Lembaga Tabung Haji (LTH), Permodalan Nasional Berhad (PNB), ahli akademik dan orang ramai dalam mencari mekanisme penggunaan emas sebagai alternatif kepada simpanan dan pelaburan mereka.

Kata Kunci: kontrak, akad, muamalat, takaful, emas

1. Pendahuluan

Amalan takaful seperti aplikasinya pada zaman kini tidak wujud pada zaman awal Islam. Malah, istilah insurans sendiri hanya baru dikenali sekitar 300 tahun terkemudian. Itu pun bertapak dan berkembang di dunia barat sebelum disesuaikan operasinya secara syariah dan dikenali sebagai takaful atau insurans Islam. Walaupun begitu, sejarah fiqh Islam mencatatkan beberapa kontrak yang hampir sama dengan sistem takaful yang wujud sekarang telah wujud sejak zaman Jahiliyah dan berterusan pada zaman Rasulullah SAW. Kesamaan ini dinilai dari aspek ta'awun atau bantuan dan pertolongan yang diberikan terhadap pihak lain seperti takaful yang juga suatu rancangan perlindungan atas prinsip persaudaraan, kepertanggungjawapan dan kerjasama antara peserta.

Zaman moden menyaksikan beberapa kontrak telah diadaptasikan sebagai alternatif kepada industri insurans yang diharamkan kerana melibatkan elemen riba, gharar dan judi. Walau bagaimana pun kontrak yang diaplikasikan itu biasanya hanya melibatkan kontrak tabarru', mudharabah dan wakalah. Kontrak ini tidak pernah diperkembangkan dengan instrumen pelaburan yang lain, contohnya melalui simpanan dan pelaburan emas. Ini secara realiti adalah suatu kerugian kerana transaksi emas hari ini sangat kompetatif dalam pasaran. Kertas ini akan memberi cadangan penggunaan emas sebagai suatu model baru yang boleh diaplikasikan dalam operasi takaful.

Metodologi kajian ini berbentuk kualitatif diskriptif melalui observasi dan bacaan kepada dokumentasi serta historika yang terdapat dalam penulisan pengkaji lain. Dua elemen penting berkaitan data operasi takaful dan penggunaan emas dianalisis secara 'content analysis' dengan melihat kepada kontrak-kontrak berkaitan takaful pada zaman awal Islam, kontrak serta model takaful kontemporari, fiqh emas dan penggunaannya pada masa kini. Walaupun begitu, kajian ini adalah harapan akademik dan belum diuji dalam dunia realiti industri takaful.

Hakikat objektif kajian ini adalah untuk mewujudkan suatu model kontrak baru dalam takaful yang berasaskan kepada emas. Justeru perkara ini diutamakan dan pada akhir kertas, penulis akan memberikan beberapa cadangan kepada syarikat takaful untuk memantapkan operasi mereka dari masa ke semasa.

2. Latar Belakang Kajian

Bertitik tolak daripada konsep mualamat Islam yang anjal dan praktikal, sudah tentu konsep takaful boleh diaplikasikan dalam pelbagai bentuk. Hampir 30 tahun beroperasi di Malaysia, industri ini masih kekal dengan model asas melibatkan mudharabah dan wakalah. Tiada usaha dibuat sekurang-kurangnya untuk menggabungkannya dengan kontrak atau instrumen ekonomi lain.

Sedangkan dalam ekonomi dunia mutakhir, transaksi emas begitu menarik perhatian atas faktor fungsi dan nilai intrintiknya yang ada. Hakikat ini dibantu dengan emas sebagai logam yang sangat penting dan bernilai juga tidak terlepas daripada diperkatakan aspek syariatnya oleh pemikir-pemikir Islam. Justeru, instrumen simpanan dan pelaburan dengan menggunakan logam emas tentu boleh diaplikasikan dalam industri takaful.

Ini sangat bertepatan dengan arus ekonomi semasa yang menyaksikan penyusutan nilai matawang sedangkan nilai emas sangat stabil dan semakin naik dari tahun ke setahun. Sudah tentu penyusutan ini akan memberi kesan jangka panjang kepada pencarum dalam takaful. Premium RM100.00 yang dicarum sekarang mungkin hanya bernilai RM 50.00 sahaja 20 tahun akan datang sedangkan kalau disimpan dalam bentuk emas, nilainya mungkin mencecah RM400.00 pada masa itu berdasarkan trend kenaikan tahunan harga emas semasa.

Sudah tentu kajian ini juga bertepatan dengan realiti institusi Islam di Malaysia yang mempunyai instrumen pelaburan secara syariah yang terhad. Perkara ini terbukti dalam status pelaburan KWSP dan PNB yang terlibat dengan instrumen tidak patuh syariah atas faktor kekurangan instrumen pelaburan halal. Sepatutnya simpanan caruman ini hendaklah digunakan secara optimum untuk kebaikan pencarum dalam jangka masa panjang. Sebagai cadangan alternatif, kertas ini akan meninjau model simpanan emas untuk diaplikasikan dalam industri takaful.

3. Sorotan Literatur

Kadar inflasi di Malaysia sering kali meningkat sejak bermula 2010 (Siti Rizadiana, 2011). Purata kenaikannya adalah antara tiga ke empat peratus setahun, kecuali meningkat kepada lima peratus pada tahun 2008. Gabenor Bank Negara berpendapat kenaikan inflasi sentiasa melanda Malaysia atas faktor krisis kewangan global (Utusan, 3 Februari 2012). Ini memberi kesan jangka panjang kepada banyak institusi kewangan dari aspek penyusutan nilai ringgit dalam jumlah yang besar.

Sebaliknya, nilai emas sentiasa meningkat setiap tahun antara 20 ke 30 peratus setahun (kitco.com, 2012). Ini kerana harga emas adalah stabil dan hingga boleh mengalami penurunan secara mendadak. Pada tahun 2002, harga emas sekitar RM50.00 satu gram sedangkan pada hari ini (Oktober 2012) harganya sudah mencecah RM185.00 satu gram. Ini berbeza sekali dengan ringgit yang terus susut nilai. Hari ini dengan duit 90 sen kita hanya boleh membeli sekeping roti canai sedangkan 10 tahun lepas kita boleh menikmati tiga keping roti canai dengan harga yang sama.

Seruan kepada penggunaan emas, khasnya usaha mengembalikan dinar emas dan perak sebagai mata wang dalam negara semakin rancak diperkatakan. Malah, Hosein (2008) menganggap usaha ini adalah suatu tuntutan agama dan umat Islam mestilah mempunyai keberanian untuk mengecam sistem kewangan berasaskan wang kertas yang penuh kepalsuan dan penipuan sebagai suatu yang haram. Penulisan Al-Maqrizi (1957), seorang ulamak pada zaman Mamluk di Mesir bertajuk '*Ighathah al-Ummah bi Kasyf al-Ummah*' bolehlah dianggap karya awal yang menjelaskan sejarah dinar emas pada zaman pra Islam dan zaman selepas kebangkitan Islam. Di samping itu, terdapat pertubuhan Islam iaitu Murabitun yang dipimpin oleh Syeikh Abd al-Qadir al-Sufi juga telah lama mengkaji tentang dinar emas dan telah menerbitkan buku-buku berkaitan seperti '*Letter To An Arab Muslim*' (Salmy, 2005).

Di peringkat antarabangsa beberapa kajian dan penulisan tentang emas juga ke arah perbincangan tentang dinar. Sennholz (1975) menjelaskan sejarah mata wang yang bersandarkan emas yang telah digunakan sebagai mata wang di peringkat antarabangsa. Begitu juga kajian Meera (2002) menyimpulkan kelebihan dinar emas berbanding mata wang fiat. Begitu juga ulasan yang sama dibuat oleh Vadillo (2002), Pengarah Islamic Mint dan ucapan-ucapan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohammad.

Kajian lepas oleh Zuhaimy (2003), (Hakimi, 2004), Hosein (2008), Salmy (2011) dan ramai lagi menunjukkan emas mempunyai nilai intrintik dan amat sesuai dijadikan aset simpanan. Kajian Salmy (2005) dan Salmy (2011) pula menunjukkan pelbagai usaha telah dibuat oleh organisasi antarabangsa dan tempatan untuk memartabatkan semula emas seperti peranan oleh Yayasan Albukhori Malaysia, Yayasan Dakwah Scotland, Persatuan Peguam Islam Jerman, Yayasan Penyelidikan Biomedikal Highland Scotland, Ramcell Media Sdn Bhd, Dinar Research Group USM dan UTM, Islamic Mint Sdn Bhd, The Royal Mint dan sebagainya.

Di samping itu terdapat beberapa kertas kerja dan kajian lain berkaitan pelaksanaan emas dan cabarannya dalam dunia moden, antaranya oleh Normawati (2005) dan Suria (2011). Sementara itu Nur Naimah (2011) dan Ahmad Zahruddin (2011) ada membincangkan tentang emas dari aspek fiqh dan perspektif Islam. Noor Huda (2006) dan Nur Einsinarni (2010) pula telah membuat kajian lapangan di syarikat *Singgahsana Emas Sdn Bhd.* dan di negeri Kelantan.

Walaupun begitu, kajian dan tulisan yang ada tentang pelaburan emas sangat sedikit. Terdapat juga beberapa penulisan ringan lain yang menyebutkan tentang pelaburan emas. Namun, semua tulisan tersebut tidak menjelaskan pemikiran berkaitan emas dari perspektif syariah. Hairi (2010) contohnya hanya menyentuh tentang cara-cara melabur menggunakan emas sama ada dalam bentuk siling, jongkong, barang kemas atau akaun pelaburan sementara Mohd. Yusra (2012) membuat kajian tentang akaun pelaburan emas di bank-bank komersial Malaysia. Dalam bentuk buku pula, hanya terdapat sebuah buku dalam perkara ini yang bertajuk 'Pelaburan Emas' oleh Mohamad Saat Sukami yang diterbitkan oleh PTS Professional Publishing Sdn. Bhd. Namun, buku ini hanya membincangkan aspek fizikal emas dan kaedah menentukan ketulenan emas, kaedah penentuan harga emas serta bentuk-bentuk pelaburan emas di Malaysia. Buku ini tidak menyentuh tentang model simpanan atau pelaburan emas yang patuh syariah, khususnya dalam institusi kewangan.

Di Indonesia, kajian oleh (Hamidi, 2007) telah membuktikan penggunaan emas boleh diaplikasikan dalam organisasi berasaskan simpanan wang dan dibuktikan dengan kejayaan program Ongkos Naik Haji (ONH) Indonesia. Program simpanan emas yang dimulakan sejurus zaman kejatuhan nilai matawang asia pada tahun 1998 ini telah berjaya memberi keuntungan nilai kepada penyimpannya selain membolehkan mereka menunaikan haji tanpa masalah dengan kejatuhan nilai rupiah ketika itu.

Justeru, emas sebagai simpanan nilai yang baik boleh diaplikasikan sebagai kontrak takaful yang menguntungkan. Ini selari dengan konsep yang berteraskan semangat kerjasama, perlindungan dan jaminan di kalangan peserta seperti definisi dalam "Akta Takaful 1984 (Akta 312)" 2008, "suatu skim yang berasaskan persaudaraan, perpaduan dan bantuan bersama yang menyediakan pertolongan dan bantuan kewangan kepada peserta jika diperlukan yang dengannya peserta sama-sama bersetuju untuk memberi sumbangan bagi maksud itu."

Namun masalahnya sejak akta ini diperkenalkan, sehingga kini kontrak takaful tidak diperkembangkan kepada model-model lain selain berkisar tentang modul tabarru', mudharabah dan wakalah. Ini diperkatakan oleh (Al-Zarqa', 1994), (Billah, 2007), (Engku Rabiah, 2008), (Mohd Fadzli, 1997), (Pg. Noor Asmawi, 2005) dan sebagainya. Kajian tentang takaful pula biasanya tentang konsep, operasi dan perbandingannya dengan transaksi semasa. Sebagai contohnya, kajian operasi syarikat takaful oleh Noor Hashim (2010) dan Marhadi (2010), kajian perbandingan antara takaful dan perbankan Islam oleh Jalaludin (2002) serta analisa perbandingan antara takaful dengan insurans konvensional oleh Kamaruzaman (2001) dan Muhammad Yamin (1998). Ini suatu kelemahan dalam tradisi ilmu Islam yang sepatutnya anjal dan sentiasa berkembang. Justeru, kajian ini suatu yang baharu dalam mencadangkan alternatif model berasaskan penggunaan emas dalam operasi sedia ada.

4. Kontrak-kontrak Berkaitan Takaful Zaman Awal Islam

Sejarah Islam telah mencatatkan terdapat beberapa akad lain yang digunapakai dalam memberi perlindungan kepada orang lain. Walaupun bukan menggambarkan sepenuhnya konsep takaful, namun kontrak persis takaful seperti sudah wujud awal sebelum Islam dan kemudiannya diakui oleh Rasulullah SAW sendiri. Secara umum, kontrak tersebut adalah al-'aqilah, al-qasamah, al-muwalah, al-tanahud, al-hirasah, dhaman khatr al-tariq, dan wadi'ah bi ujah.

Kontrak al-'Aqilah (العاقلة) merupakan usaha untuk saling mengambil tanggungjawab untuk ahli keluarga atau suku kaum yang menyebabkan kehilangan nyawa orang lain. Kontrak ini wujud dalam tradisi kabilah Arab Jahiliyah sebelum diutuskan Rasulullah SAW lagi. Ia menjadi kebiasaan antara mereka apabila seorang ahli keluarga atau anggota suku kaum membunuh orang daripada suku kaum lain secara tidak sengaja, maka keluarga terdekat dengan pembunuh hendaklah membayar sejumlah wang sebagai pampasan. 'Aqilah bermaksud 'asabah, iaitu kaum kerabat atau keluarga dari pihak bapa pihak yang membunuh (Khan, 1979). 'Aqilah juga merujuk kepada saudara terdekat pembunuh yang bertanggung jawab untuk keluarganya. Menurut (Al-Marghinani, 1981), aqilah ataupun keluarga terdekat pembunuh hendaklah membayar wang darah atas nama pembunuh. Setiap suku kaum mengumpulkan dana kewangan yang juga dikenali sebagai *al-kanz*. Dana ini menyediakan peruntukan untuk membantu sesama keluarga yang terlibat dalam pembunuhan dengan tidak sengaja. Ia juga digunakan untuk membayar tebusan bagi tawanan perang antara mereka. (IBFIM, 2010)

Menurut (Billah, 2007), idea utama 'aqilah adalah suku kaum Arab dahulu sentiasa bersedia memberi sumbangan kewangan atas nama pembunuh sebagai pampasan kepada keluarga di mati. Persiapan dan persediaan seperti ini seakan sama dengan premium yang dibayar seperti yang wujud dalam amalan insurans kini. Ia seolah-olah sama dengan amalan insurans yang memberi perlindungan kewangan bagi waris si mati yang kehilangan nyawa yang tidak diduga. Konsep 'aqilah ini diteruskan apabila datangnya Islam. Bahkan doktrin ini menyerupai konsep kerjasama dan persaudaraan yang dipraktikkan oleh Muhajirin dan Ansar ketika hijrah. (Asmak, 2008) Rasulullah SAW memperakui dan memperkenalkan prinsip kontrak ini apabila Baginda SAW berhijrah ke Madinah dan mendirikan negara Islam pertama. Ini dijelaskan dalam sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah RA berkata : "Dua orang wanita dari Suku Huzail berselisih, kemudian salah seorang wanita tersebut melempar batu ke wanita yang lainnya hingga mengakibatkan kematian wanita tersebut beserta janin yang dikandungnya. Maka (ahli waris wanita yang meninggal tersebut) mengadukan kepada Rasulullah SAW, maka Baginda SAW memutuskan hukuman pembunuhan terhadap si pembunuh dengan pembebasan seorang budak laki-laki atau perempuan, dan memutuskan hukuman kematian wanita tersebut dengan diyat yang dibayarkan oleh 'aqilahnya (kerabat daripada pihak bapa)" (Riwayat Muslim, al-Tirmidhi, al-Nasa'i).

Abu Isa al-Tirmidhi ketika menjelaskan hadith tersebut menyatakan, "Para ulama' sepakat bahawa diyat itu diminta dalam masa tiga tahun, pada setiap tahun dibayar sepertiga diyat, mereka berpendapat diyat orang yang bersalah (tidak sengaja itu) terkena kepada 'aqilah. Sebahagian ulama' berpendapat 'aqilah adalah kerabatnya daripada seorang lelaki dari sebelah ayahnya dan inilah pendapat Malik dan Syafi'i." (Al-Tirmidhi, 1989). Hadith ini menunjukkan konsep bayaran pampasan oleh 'aqilah terhadap perbuatan pembunuhan yang dilakukan oleh kaum keluarganya. Walaupun konsepnya tidak mirip dengan amalan insurans sepenuhnya, namun unsur tolong-menolong sesama insan membantu mereka yang terkena musibah adalah asas penting sistem insurans dan takaful yang beroperasi zaman kini. Kedua-duanya agak sama, 'aqilah menanggung musibah dan kerugian keluarga si mati, sedangkan takaful menanggung musibah dan kerugian peserta. Cuma yang berbeza adalah 'aqilah dibayar oleh keluarga pembunuh sedangkan takaful membayar sesama peserta melalui prinsip tabarru'.

Al-Qasamah (القسامة) pula adalah usaha pembayaran pampasan kepada waris keluarga yang terbunuh apabila pembunuhan tidak dapat diketahui. Ini berlaku kerana tiada saksi yang benar-benar pasti pembunuhan, tiada keterangan dan kekurangan bukti. (IBFIM, 2010) Kontrak ini melibatkan pengumpulan dana kewangan daripada peserta dalam satu tabung. Apabila seseorang dibunuh dan tidak dikesan pembunuhan, manfaat tabung akan diberikan kepada ahli waris yang terbunuh itu. Menurut hukum Islam, pembunuh akan dijatuhkan hukum qisas iaitu hukum bunuh balas. Namun, apabila tidak diketahui siapa pembunuhan, qasamah atau sumpah sebanyak 50 kali oleh mereka yang terlibat akan dibuat. Al-qasamah juga akan dikenakan bila melibatkan kes-kes pembunuhan yang tiada bukti kukuh atau keterangan yang diberikan meragukan serta lemah. Justeru, qasamah merupakan suatu ikatan perjanjian antara manusia untuk memelihara kehilangan nyawa seseorang yang berlaku dalam kes qisas.

Asas kontrak ini terdapat dalam beberapa hadith antaranya riwayat daripada Sahal bin Abu Hasmah RA, bahawa beberapa orang dari kaumnya berjalan-jalan ke Khaibar, lalu mereka di situ berpisah-pisah. Kemudian salah seorang di antara mereka didapati mati terbunuh. Lalu mereka mengatakan kepada orang yang kebetulan berada dekat orang mati tadi. "Kamu yang membunuh kawan kami" Jawabnya: "Bukan kami yang membunuhnya dan kami tidak pula mengetahui siapa yang membunuhnya." Mereka pergi mendapatkan Nabi saw. dan mengatakan: "Ya Rasulullah! Kami berjalan-jalan ke Khaibar, kemudian kami dapati salah seorang di antara kami mati terbunuh." Nabi berkata: "Soal besar, soal besar!" Kemudian beliau mengatakan kepada mereka: "Bolehkah kamu mengadakan saksi (keterangan) tentang orang yang membunuhnya?" Jawab mereka: "Kami tidak mempunyai saksi." Kata Nabi: "Sebab itu mereka (penduduk Khaibar) perlu bersumpah." Jawab mereka: "Kami tidak suka dengan sumpah orang Yahudi." Rasulullah saw. tidak menyukai orang itu akan mati begitu saja, lalu dibayar oleh beliau diyat seratus ekor unta sedekah. (Riwayat al-Bukhari, al-Nasa'i dan Ibn Majah)

Secara teori al-qasamah lebih kurang sama dengan al-'aqilah. Kedua-duanya beroperasi atas prinsip tolong menolong menghadapi musibah. Cuma berbeza dari aspek pampasan al-'aqilah diberikan oleh keluarga terdekat pembunuh secara tidak sengaja kepada waris si mati sedangkan dalam al-qasamah pembunuhan tidak diketahui, namun manfaat pampasannya juga diperolehi oleh ahli waris si mati. Begitu juga dana al-'aqilah dikumpulkan setelah berlakunya pembunuhan sedangkan pengumpulan dana al-qasamah dilakukan terlebih awal sebelum berlakunya kejadian tersebut. Justeru, al-qasamah lebih hampir kepada konsep takaful yang dananya juga dikumpulkan sebelum berlakunya sesuatu musibah.

Kontrak al-Muwalah (الموالة) pula adalah pelindung atau wali. Konsep ini berbentuk jaminan seseorang kepada seseorang yang lain yang tidak mempunyai waris atau tidak diketahui siapa waris saudaranya. Justeru, penjamin

bersetuju untuk menanggung denda yang dikenakan apabila orang yang dijaminnya melakukan jenayah secara tidak sengaja. Sebagai timbal balas, penjamin boleh mewarisi harta orang yang dijamin apabila meninggal dunia dan masih tiada waris padanya. (Al-Zarqa', 1994)

Al-Tanahud (التناهد) berasal daripada perkataan (النهد) yang bermaksud bantuan. Kontrak ini didefinisikan sebagai mengeluarkan perbelanjaan daripada setiap orang dan membahagikannya secara sama rata antara mereka. (Ibn Manzur, 2003). Konsep ini disukai oleh Rasulullah SAW seperti dicatat dalam sebuah hadith daripada Abu Musa RA katanya: Nabi SAW bersabda, "Orang Asyaari, apabila mereka kehabisan perbekalan dalam peperangan atau keluarga mereka kekurangan makanan di Madinah, mereka kumpulkan apa yang ada di atas sehelai kain, kemudian mereka bahagi-bahagikan di antara mereka makanan itu dengan sebuah takaran sama banyak, mereka segolongan dengan saya dan saya pun segolongan dengan mereka." (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Ia suatu konsep tolong menolong dalam urusan makanan iaitu satu kumpulan mengumpulkan makanan pada satu tempat atau satu wadah tanpa mengira kuantiti atau daripada siapa dan kemudiannya diagihkan kepada semua secara sama rata. Konsep ini lebih kurang sama dengan konsep takaful yang membentuk usaha bersama dalam memberikan keuntungan kepada ahli secara sama rata mengikut akad yang dipersetujui.

Al-Hirasah adalah kontrak jaminan keselamatan (Ifta, 2012). Ia berlaku dalam bentuk seseorang yang mengupah orang lain sebagai pengawal keselamatannya. Kontrak ini melibatkan pembayaran upah kepada pihak lain dengan tujuan kepnetingan keselamatan orang yang mengupah. Amalan ini jelas menunjukkan penjagaan nyawa dan harta boleh dibuat dengan sesuatu premium yang telah dipersetujui. Penjagaan pengawal keselamatan ini menyerupai konsep perlindungan oleh syarikat takaful keluarga kepada pencarum yang membayar premium untuk dilindungi.

Kontrak Dhaman Khatr al-Tariq (ضمان خطر الطريق) pula hampir sama dengan kontrak al-hirasah. Jika al-hirasah lebih kepada jaminan keselamatan nyawa, kontrak dhaman khatr al-tariq pula lebih kepada jaminan keselamatan jalanraya atau lalulintas. Kontrak ini berlaku zaman dahulu apabila pedagang yang keluar berdagang melalui jalan laut membayar upah kepada pihak-pihak tertentu untuk memastikan perjalanan kapal dan dagangan mereka. Kontrak ini berbentuk perlindungan keselamatan bagi memastikan kapal serta barang dagangan tidak dirompak oleh lanun atau musuh. Kontrak boleh berlaku sebelum perjalanan atau semasa dalam perjalanan, terutama apabila melalui kawasan yang diketahui banyak gangguan keselamatan. (Ifta, 2012)

Al-Wadi'ah atau simpanan bermaksud mewakilkan orang lain untuk menjaga harta tertentu dengan cara tertentu (Al-Syarbini, 1978). Al-Wadi'ah bi ujarah (الوديعة بأجر) pula melibatkan penyimpanan barang dengan bayaran upah simpan. Penyimpan wajib membayar ganti rugi jika berlaku kerosakan atau kehilangan barangan simpanan tersebut. Muamalah al-wadi'ah bi ujarah dibenarkan dalam Islam. Begitu juga terdapat hadis bahawa Nabi SAW pernah menyimpan barang milik penduduk Mekah. Sebelum berhijrah, Baginda SAW menyerahkannya kepada Ummu Aiman, iaitu Barkah al-Habsyi untuk disimpan. Baginda SAW juga memerintahkan Saidina Ali untuk memulangkan barangan tersebut kepada pemiliknya (Al-Khin, Al-Bugha, & Al-Shurbaji, 1987).

Kontrak ini adalah kemudahan dan menghilangkan kesulitan bagi mereka yang memerlukannya. Ia dapat membantu mereka yang mempunyai barangan bernilai tetapi tiada tempat selamat untuk disimpan dengan selamat. Pada masa yang sama, terdapat satu pihak lain yang mempunyai tempat simpanan yang selamat daripada anasir jahat. Jadi, kontrak ini dapat membantu masalah mereka yang memerlukan perkhidmatan ini. Kontrak ini juga menjadi asas kepada sistem takaful yang merupakan jaminan kepada seseorang yang telah membayar upah (premium).

5. Kontrak dan Model Aplikasi Takaful Zaman Kontemporari

Ulama Islam telah menyusun beberapa bentuk kontrak (akad) dalam fiqh klasik berkaitan muamalat. Antaranya adalah bay', ijarah, wadi'ah, mudharabah, hibah dan sebagainya. Kontrak ini digunapakai dalam instrumen muamalat, termasuklah dalam sistem takaful. Di Malaysia, syarikat pengendali takaful biasanya menggunakan akad tabarru' sebagai asas dengan digabungkan dengan beberapa akad lain seperti mudharabah, wakalah, qardh al-hasan dan hibah.

Insurans konvensional adalah suatu muamalat yang tidak sah dan tidak sesuai dengan prinsip Islam khasnya dari aspek kontrak kerana mengandungi unsur-unsur gharar (ketidakpastian), judi dan riba. Ini telah diputuskan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada tahun 1979 dan diperteguh dengan fatwa pada tahun 2008 (JAKIM, 2010). Justeru, pada tahun 1985, Majma' Fiqh Islami telah mencadangkan sistem takaful yang berteraskan kontrak tabarru' sebagai alternatif kepada insurans konvensional (IBFIM, 2010). Tabarru' memberi sumbangan, sedekah atau derma kepada orang lain secara percuma. Untuk mendapat perlindungan takaful, setiap peserta

dikehendaki menyumbang dalam suatu tabung yang kemudiannya digunakan untuk membantu sesama mereka apabila ditimpa musibah.

Takaful berbeza dengan insurans konvensional dari aspek kontrak. Menurut (Billah, 2007), ini kerana polisi takaful adalah berdasarkan konsep mudharabah yang keuntungan dan kerugian hendaklah bebas daripada elemen yang tidak syariah. Hal ini berlaku apabila peserta memberi sumbangan modal kepada syarikat takaful untuk menguruskan aktiviti pelaburan. Keuntungan daripada pelaburan ini jika ada akan dibahagi secara sama rata antara peserta dan syarikat mengikut nisbah peratusan yang telah dipersetujui.

Dalam operasi takaful, syarikat takaful merupakan pengusaha (*mudharib*) yang akan menjalankan aktiviti perniagaan, sementara peserta pula adalah pemodal (*sahibul mal*) yang akan menyerahkan modal mereka kepada syarikat takaful. Modal atau premium mudharabah (*rabbul mal*) ini diambil daripada sebahagian sumbangan peserta takaful kepada syarikat takaful. Kontrak ini menetapkan pembahagian keuntungan berdasarkan nisbah yang dipersetujui seperti 50:50, 60:40 atau 70:30 antara peserta dengan syarikat takaful.

Wakalah maksudnya agensi. Kontrak ini adalah suatu perantaraan seseorang sebagai wakil untuk menguruskan sesuatu perkara yang tertentu. Oleh itu ia adalah persetujuan antara dua pihak untuk menjalankan usaha perniagaan tertentu. Dalam operasi takaful, peserta takaful akan melantik syarikat takaful sebagai wakil pihaknya untuk bertanggung jawab menguruskan operasi takaful seperti menyediakan perjanjian, memungut hutang, menguruskan dana, melabur dan sebagainya (Asmak, 2008). Prinsip ini juga memberi kebenaran mutlak kepada syarikat takaful untuk melantik agen atau wakil bagi pihak mereka jika diperlukan. Sebagai balasan, syarikat takaful selaku wakil dibenarkan mengenakan upah (yuran) atas kepakaran dan tugas perkhidmatan yang dilakukan. Yuran tersebut boleh ditolak daripada sumbangan peserta kepada tabung takaful.

Kontrak qarh al-hasan, iaitu pinjaman tanpa faedah dan hibah, iaitu pemberian kepada seseorang juga terdapat dalam operasi takaful di Malaysia. Ini berlaku apabila pemegang saham memberikan pinjaman tanpa apa-apa bayaran tambahan untuk melancarkan operasi takaful seperti apabila berlaku defisit dalam tabung. Justeru, syarikat takaful selaku peminjam boleh memberi hibah sebagai tanda penghargaan kepada pemegang saham selaku pemberi pinjaman (IBFIM, 2010).

Kontrak-kontrak ini kemudian diaplikasikan dalam operasi takaful melalui model-model tertentu, khasnya model mudharabah, model wakalah ataupun model hibrid antara kedua-duanya. Apabila Malaysia memulakan operasi takaful selaras dengan Akta Takaful 1984, model mudharabah diperkenalkan oleh pengendali, Syarikat Takaful Malaysia Sendirian Berhad, yang pada tahun 1995 telah berubah menjadi sebuah syarikat awam dan dinamakan Syarikat Takaful Malaysia Berhad. Negara Brunei juga menggunakan model mudharabah apabila takaful mula diperkenalkan pada tahun 1993 dengan penubuhan Takaful IBB Sendirian Berhad.

Sebaliknya, apabila negara Sudan melancarkan operasi takaful berdasarkan ta'awuni atau prinsip koperasi, ia menerima pakai model wakalah, seperti yang dilihat dalam aliran perniagaan takaful yang baru, Islam Insurance Co Ltd Sudan. Setelah operasi takaful semakin bercambah pada akhir 1990an terutama di Teluk dan Timur Tengah, model hibrid mula diterima pakai. Pada masa ini, semua syarikat takaful yang baru ditubuhkan termasuk di Malaysia, telah memilih model hibrid gabungan antara modul mudharabah dan wakalah. (islamicbanker.com, 2012)

6. Emas dan Transaksinya dalam Islam

Emas pada sepanjang zaman dianggap sebagai simbol kekayaan, kemashyuran dan kecantikan. Dalam sejarah ekonomi Islam, emas merupakan matawang dan aset simpanan yang baik. Emas merupakan mata wang paling stabil yang pernah digunakan oleh manusia. Ini bertepatan dengan sejarah Islam yang memperakukan emas dan perak sebagai matawang (Shaharom, 2000).

Selain sebagai alat pertukaran, ia juga merupakan penyimpan nilai yang unggul. Pada zaman Rasulullah SAW, standard barang dan harga disandarkan kepada piawai emas dan perak. Semua bentuk transaksi boleh dilangsungkan dalam standard unit seperti *uqiyyah*, *dirham*, *daniq*, *qirath*, *mithqal* dan *dinar*. Penyimpanan kekayaan dalam bentuk emas adalah yang terbaik terutama dalam dunia kontemporari ini. Ibn Khaldun menyebutkan dalam *al-Muqaddimah* bahawa Allah SWT menciptakan daripada dua logam emas dan perak sebagai nilai untuk setiap harta. Dua jenis ini merupakan simpanan dan perolehan kebanyakan manusia di dunia. Keunggulan emas juga digambarkan oleh al-Ghazali sebagai hakim perantara bagi seluruh harta sehingga semua harta boleh diukur dengan keduanya (Salmy, 2005).

Teks al-Quran dan hadith banyak menjelaskan kepentingan emas dalam kehidupan manusia. Emas dirujuk sebagai matawang dinar dalam firman-Nya : "Dan di antara ahli-ahli kitab, ada orang yang kalau engkau amanahkan

dia menyimpan sejumlah besar harta sekalipun, dia akan mengembalikannya (dengan sempurna) kepada kamu dan ada pula di antara mereka, yang kalau engkau amanahkan menyimpan hanya satu dinar sahaja pun, dia tidak akan mengembalikannya kepada kamu, kecuali kalau kamu selalu menuntunya". (Ali Imran : 75) Selain digambarkan sebagai harta kekayaan dalam surah Ali Imran 3:14, Ali Imran 3:91, al-Nisa' 4:20, al-Taubah 9:34, al-Zukhruf 43:33-35, al-Quran juga mendedahkan emas akan kekal sebagai barang berharga sehingga hari akhirat seperti dalam surah al-Isra' 17:93, al-Kahfi 18:31, al-Hajj 22:23, al-Faathir 35:33, al-Zukhruf 43:53, al-Zukhruf 43:71 dan al-Insan 76:21. Hadith pula banyak menyentuh fungsi emas sebagai alat pertukaran, perhiasan, pembayaran zakat.

Begitu juga selain dijadikan barang kemas, emas juga menjadi penyimpan kekayaan yang paling unggul. Ini kerana ia tidak boleh dibinasakan dan tidak hilang nilainya. Malah, nilainya sentiasa meningkat dalam jangka masa panjang. Ini dibuktikan dengan kenaikan harga emas daripada USD 561.50/per aun kepada USD1,900.30 /per aun, iaitu kenaikan sebanyak 238 peratus harga emas dalam tempoh lima tahun (2006 hingga 2011) atau secara purata kenaikan setahun adalah 48 peratus.

Kebenaran emas adalah penyimpan nilai yang stabil boleh disaksikan melalui nilai harga emas yang hampir sama sejak zaman Rasulullah SAW hinggalah zaman sekarang. Dalam sebuah hadith daripada Syahib bin Garqadah berkata: Saya mendengar penduduk bercerita tentang 'Urwah, bahawa Nabi SAW memberikan wang satu dinar kepadanya agar dibelikan seekor kambing untuk beliau; lalu dengan wang satu dinar tersebut ia membeli dua ekor kambing, kemudian ia jual satu ekor dengan harga satu dinar. Ia pulang membawa satu dinar dan satu ekor kambing. Nabi SAW mendoakannya dengan keberkatan dalam jual belinya. Seandainya 'Urwah membeli tanah pun, ia pasti beruntung'. (riwayat al-Bukhari). Hadith ini menjelaskan harga seekor kambing pada zaman Rasulullah SAW lebih kurang satu dinar. Agak menarik, kestabilan harga emas terbukti dengan harga seekor kambing pada zaman kini juga lebih kurang RM750.00 atau satu dinar (bersamaan nilai 4.25 gram emas).

Namun, akibat pelbagai hambatan ekonomi dunia fungsi dinar emas kini telah berubah kepada suatu komoditi yang diperniagakan. Perubahan lanskap ekonomi dunia juga menimbulkan keghairahan di kalangan umat Islam dalam negara kita untuk melakukan transaksi terhadap emas dalam bentuk pelaburan sama ada dalam bentuk fizikal seperti siling, jongkong, barang kemas atau dalam bentuk akaun pelaburan emas. Situasi ini menyebabkan kadangkala wujud di kalangan masyarakat yang lupa batas-batas syariah berkaitan transaksi dalam emas, terutama terjebak dengan amalan riba yang diharam dan dikutuk dalam Islam, perjudian, spekulasi, penipuan, tidak memenuhi syarat kontrak dan sebagainya.

Emas selaku komoditi bernilai merupakan salah satu barangan berunsurkan riba (ribawi). Mengikut muamalat Islam, urusniaga jual beli emas adalah termasuk dalam kontrak al-Sarf, iaitu jual beli matawang. Maksudnya, kita membeli atau menjual emas dengan menggunakan mata wang seperti ringgit atau dollar. Secara umum, transaksi emas hendaklah memenuhi syarat utama kontrak al-Sarf yang digambarkan oleh Rasulullah SAW dalam riwayat oleh 'Ubadah bin al-Samit : "Emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, tamar dengan tamar, garam dengan garam, perlu sama, timbangan sama dan diserahkan segera. Jika berlainan jenis, juallah seperti mana kamu kehendaki selagi ia diserahkan segera (tidak bertangguh)." (riwayat Muslim, Abu Daud, al-Nasai, dan Ahmad).

Transaksi pembelian emas dalam masyarakat kontemporari melibatkan pertukaran emas dengan matawang lain. Menurut muamalat Islam, transaksi pembelian atau pertukaran matawang dengan matawang seperti membeli emas dengan wang ringgit adalah termasuk dalam kontrak al-Sarf (*money changer*). Hadith di atas menjelaskan syarat transaksi emas dengan mata wang hendaklah berlaku serahan (*qabd*) barangan emas dan harga secara tunai antara penjual dan pembeli (atau wakilnya) dalam majlis akad sebelum berpisah. Serahan emas oleh penjual boleh berlaku dalam bentuk hakiki (serahan fizikal emas) atau secara hukmi (penguasaan dan kemampuan mengendali/tasarruf ke atas emas oleh pembeli). Serahan harga oleh pembeli pula boleh berlaku melalui pembayaran tunai, cek, kad debit atau kad kredit. Serahan ini mestilah berlaku dalam satu majlis akad antara penjual dan pembeli (atau wakil) sama ada melalui pertemuan fizikal, sistem pesanan ringkas (SMS), telefon atau emel.

Begitu juga serahan barangan emas dan harga hendaklah berlaku secara on the spot (lani) tanpa ada sebarang tempoh penangguhan masa. Justeru, pembelian emas secara bayaran ansuran atau hutang tidak dibenarkan syarak. Walaupun begitu, kontrak jual beli emas yang melibatkan pembayaran cek atau pemindahan wang yang memerlukan tempoh matang seperti tiga hari bekerja dianggap masih belum berlaku akad tersebut hinggalah penjual mendapat bayarannya. Apabila mendapat bayaran, kontrak akan berlaku dan penjual hendaklah menyerahkan emas kepada pembeli serta merta.

Justeru, pembelian emas mestilah mematuhi syarat kontrak tersebut, iaitu mestilah tunai serta-merta tanpa ditangguh atau diberi tempoh dan syarat serahan serta penerimaan barangan emas mestilah berlaku semasa akad

pembelian sebelum berpisah. Umat Islam terutamanya peminat, pembeli dan pelabur emas hendaklah mengawasi transaksi mereka supaya selari syarat tersebut dan terhindar daripada riba. Terdapat beberapa syarat-syarat lain terutama tentang fizikal emas dan harga yang mesti diambil berat oleh pelabur-pelabur emas, antaranya (i) Emas hendaklah wujud, dimiliki penuh oleh penjual dan boleh diserahkan kepada pembeli sekurang-kurangnya dalam tempoh 'uruf (kebiasaan); (ii) Emas hendaklah diketahui sifat fizikal, timbangan berat dan ketulenannya sama ada melihat sendiri fizikalnya atau melalui sampel pesanan; (iii) Nilai harga emas hendaklah diketahui dan dipersetujui oleh penjual dan pembeli; dan Kontrak jual beli hendaklah dilakukan atas dasar persetujuan dan keredaan, tanpa wujudnya sebarang paksaan, tipu helah atau sebarang penyembunyian keaiban.

Selain itu, pembelian emas adalah bermaksud mempunyai pemilikan terhadap emas yang dibelinya. Oleh itu, haram kita membeli emas jika tidak mempunyai kebebasan dan kuasa untuk melakukan transaksi lain seperti tidak boleh menjualnya semula dalam tempoh-tempoh tertentu. Begitu juga haram membeli emas secara hutang atau secara tangguh dengan membayarnya secara ansuran walaupun terdapat pandangan minoriti yang memberi pengecualian pada emas yang telah diubah menjadi barangan seperti cincin dan gelang. Emas tidak boleh dijual beli secara hutang atau ansuran. Pembelian emas dengan menggunakan kad kredit perlu di jauhi kerana terdapat unsur syubhat lebih-lebih lagi dengan kewujudan resolusi Kesatuan Fiqh Islam OIC yang tidak mengharuskannya (Zaharuddin, 2008). Begitu juga, haram secara mutlak jika tidak membuat bayaran kad kredit atas pembelian tersebut hingga dikenakan riba oleh pihak pengeluar kad kredit.

Begitu juga pertukaran emas dengan emas hendaklah sama kuantitinya. Tidak boleh melakukan trade-in emas lama yang dimiliki dengan emas baru. Ini boleh membawa kepada riba kerana hukum tukaran emas dengan emas mensyaratkan timbangan kedua-dua tukaran tersebut adalah sama dan diserahkan serta-merta semasa pertukaran tersebut tanpa sebarang tangguhan masa. Untuk mengelakkan riba ini berlaku, orang yang ingin trade-in hendaklah menjualkan emas lamanya terlebih dahulu. Setelah mendapat wang jualan, barulah ia membeli emas baru tersebut. Persoalan ini disentuh dalam hadith daripada Abu Sa'id al-Khudri bahawa pada suatu hari Bilal RA membawakan Nabi SAW satu sa' (timbangan kurma) kurma yang berkualiti dan baginda pun bertanya sumber kurma tersebut. Bilal pun menjawab, "*Saya ada dua sa' kurma yang berkualiti rendah dan saya tukar dengan satu sa' kurma berkualiti ini.*" Lantas baginda pun berkata, "*Tidak! Ini adalah riba, jangan buat begitu. Kamu sepatutnya menjual dulu dua sa' kurma berkualiti rendah dan hasil jualannya barulah digunakan untuk membeli kurma yang berkualiti tinggi.*" (Riwayat Muslim dan Ahmad)

Piawai transaksi emas yang terpenting adalah wujudnya serahan dalam pertukaran antara penjual dengan pembeli. Malah, perkara ini ditekankan oleh Majlis Syariah Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions (AAOIFI) dalam Shariah Standardnya no. 18. Malah, Majma' Fiqh al-Du'wali dalam keputusan mereka nombor 84, 9/1 juga mengakui bahawa penyerahan menggunakan sijil milik emas sebagai tanda pembeli dan pembukaan akaun emas sudah sempurna adalah sah di sisi syarak (Zaharuddin, 2008). Di Malaysia, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-96 yang bersidang pada 13 hingga 15 Oktober 2011 telah memutuskan penggunaan Parameter Pelaburan Emas, namun garis panduan tersebut sangat umum. Ia tidak memberi kesan kepada pelaksanaannya dalam sistem perbankan Islam atau kepada umum. Ini terbukti dengan pengharaman pelaburan emas Syarikat Genneva Malaysia Sdn Bhd pada Julai 2012 yang melibatkan 50,000 pelanggan dan 5 billion dana sejak 2007 (Berita, 2 Oktober 2012).

Banyak perkara tentang emas yang boleh dibincangkan lebih-lebih lagi terdapat banyak institusi kewangan Islam di Malaysia yang menguruskan persoalan emas. Pelbagai bank syariah dan konvensional di Malaysia telah melakukan transaksi emas sama ada dalam bentuk simpanan, gadaian (al-Rahnu), pelaburan berbentuk emas fizikal atau dalam bentuk akaun pelaburan dan sebagainya. Pusat Zakat dan Majlis Agama Islam negeri-negeri pula terlibat dalam mengurus pembayaran zakat emas. Malah, setiap negara di dunia termasuklah Malaysia juga menyimpan rezab negara dalam bentuk emas.


7. Cadangan Model Takaful Berasaskan Penggunaan Emas

Terdapat beberapa mekanisme penggunaan emas dalam pembentuk kontrak syarikat takaful. Penulis mencadangkan mekanisme mewujudkan tabung emas sebagai tambahan kepada tabung takaful sedia ada. Secara teori, peserta akan membuat caruman tetap secara bulanan dalam bentuk ringgit dan sebahagian daripada caruman itu (contohnya 40 peratus) dipotong dan diletakkan dalam tabung emas tersebut. Jumlah ringgit dalam tersebut kemudiannya digunakan oleh syarikat takaful untuk membeli emas fizikal seperti siling Kijang Emas, Dinar atau di bursa komoditi dan disimpan atau dilaburkan di dalam Bank Kongsy. Setelah tempoh matang atau kontrak

ditamatkan, peserta akan menerima emas fizikal atau dalam bentuk nilai emas semasa selain daripada jumlah ganjaran sedia ada dalam tabung takaful.

Cadangan ini boleh diaplikasikan dalam pelbagai model dan kontrak serta boleh diubah suai mengikut kesesuaian syarikat takaful. Walaupun begitu kontrak tabarru' (sumbangan) dan tjari (komersial) masih menjadi tulang belakang kepada model penggunaan emas ini. Cadangan model daripada penulis adalah seperti berikut :

7.1 Model Wadi'ah Emas



Rajah 1: Model Wadi'ah Emas

Peserta akan meletakkan simpanan secara tetap bulanan dalam bentuk wang ringgit. Kemudian syarikat takaful akan membahagikan caruman itu kepada dua tabung mengikut peratusan tertentu, iaitu tabung takaful (contohnya 25 peratus) dan tabung emas (contohnya 75 peratus). Syarikat takaful kemudiannya akan menggunakan wang ringgit tersebut untuk membeli emas fizikal dan melaburkannya dalam Bank Kongsi yang telah dipersetujui. Sumbangan dalam tabung takaful adalah berbentuk tabarru' dan akan digunakan untuk pelaburan serta kos operasi takaful termasuklah untuk tuntutan musibah. Jika terdapat lebih, syarikat takaful boleh memberikan hibah keuntungan kepada peserta. Selain itu, apabila kontrak matang atau ditamatkan, peserta juga akan memperolehi keuntungan dalam tabung emas melalui nilai emas yang stabil termasuk memiliki emas fizikal dan keuntungan kenaikan harganya.


7.2 Model Mudharabah Emas



Rajah 2: Model Mudarabah Emas

Seperti model wadi'ah emas dalam Rajah 1, model ini juga bermula dengan peserta memberikan sumbangan dalam bentuk ringgit dalam dua tabung tersebut. Melalui tabung emas, syarikat takaful akan membeli emas fizikal atau membuka akaun pelaburan emas dan melaburkannya dalam Bank Kongsi. Dalam tabung takaful pula, sebahagian wang ringgit tersebut disumbangkan dengan akad tabarru'. Syarikat akan menguruskan tabung takaful tersebut dan dalam masa yang sama melaburkannya. Jika terdapat lebihan keuntungan setelah ditolak semua kosoperasi, syarikat akan memberikannya kepada peserta sebagai perkongsian keuntungan mengikut nisbah keuntungan yang telah dipersetujui semasa kontrak. Peserta juga memperoleh keuntungan daripada pelaburan emas dalam tabung emas dan boleh memiliki emas fizikal apabila tempoh matang atau kontrak ditamatkan.

7.3 Model Wakalah Emas




Rajah 3: Model Wakalah Emas

Model dalam Rajah 3 ini membahagikan sumbangan peserta kepada tiga tabung iaitu tabung takaful, yuran wakil dan tabung emas. Model ini bermaksud peserta melantik syarikat takaful sebagai wakil bagi menguruskan sejumlah

sumbangan wang bagi tujuan takaful apabila diperlukan. Sebagai balasan, syarikat akan mengambil sejumlah yuran (upah) sebagai kos pengurusan. Syarikat takaful akan mengambil sejumlah upah lagi sekiranya berjaya mendapatkan untung daripada pelaburan yang diusahakannya itu. Syarikat juga akan menghadihkan sejumlah keuntungan kepada peserta sebagai penghargaan penyertaannya. Seperti model lain, peserta juga akan memperolehi keuntungan daripada simpanan / pelaburan tabung emas.

7.4 Model Wakaf Tunai Emas



Rajah 4: Model Wakaf Tunai Emas

Wakaf adalah menahan sesuatu ain harta sebagai hak milik Allah dan digunakan manfaat harta tersebut pada jalan kebajikan untuk selama-lamanya (al-Zuhayli, 1989). Wakaf boleh diimplimentasikan secara tunai bagi mencapai maqasid syariah wakaf demi memberi manfaat harta kepada umum. Dalam operasi model takaful di atas, peserta akan mewakafkan wang secara tunai. Syarikat takaful kemudiannya menggunakan wang wakaf tersebut untuk membeli emas fizikal melalui tabung emas dan dilaburkan dalam Bank Kongsy. Sebahagian kecil wang wakaf akan digunakan untuk kos perbelanjaan dan operasi takaful termasuklah dalam tuntutan musibah. Syarikat bolehlah memberikan lebihan atau keuntungan pelaburan kepada peserta sebagai tanda penghargaan menyertai skim wakaf tunai tersebut.

Penulis hanya merekabentuk empat model ini sahaja. Mungkin syarikat takaful dan pengkaji lain oleh merekabentuk model-model yang lain. Sebagai contohnya, model yang melibatkan pihak ketiga seperti perbankan dan syarikat gadaian Islam yang boleh menghasilkan model lain dengan menggunakan kontrak seperti bay' (jual beli), ijarah (sewaan), musyarakah (perkongsian), al-rahn (gadaian) dan sebagainya.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Emas sama ada sebagai simpanan atau pelaburan amat menguntungkan berbanding simpanan tunai. Ia boleh digunapakai dalam semua transaksi termasuklah dalam operasi takaful dengan syarat-syarat muamalatnya. Model kontrak takaful pula adalah fleksibel dan boleh direka bentuk atau diubah. Apa yang penting setiap urusan dan transaksi takaful hendaklah bertepatan dengan muamalat Islam. Usaha pelbagai pihak sama ada dalam industri atau akademik hendaklah digabung dan dirancakkan demi manfaat ummah dan kelestarian muamalat Islam pada zaman kontemporari.

Justeru, pengkaji dan ilmuan lain dicadangkan untuk membuat pengkajian lain dalam perkara ini seperti menghasilkan kontrak takaful berlandaskan akad jual-beli, ijarah, musyarakah dan sebagainya. Secara umum, kepada syarikat, penulis ini memberikan beberapa cadangan dalam memantapkan operasi mereka, iaitu :

- (i) Syarikat takaful seharusnya berani membuat pembaharuan dan futuristik dalam operasi mereka sejajar dengan perkembangan zaman dan memanfaatkan instrumen lain seperti emas yang terbukti stabil.

- (ii) Syarikat takaful hendaklah menyediakan dana penyelidikan tentang takaful supaya model baru, kontrak atau mekanisme operasi yang lebih efisien dan menguntungkan dapat direka bentuk.
- (iii) Syarikat takaful seharusnya mewujudkan Panel Khas Kajian Syariah Takaful atau memaksimumkan keberadaan Panel Penasihat Syariah untuk mereka bentuk model dan kontrak baru yang digali daripada karya-karya ilmuan Islam lampau.

RUJUKAN

- Ahmad Zahruddin, S. A. S. (2011). Hukum pemakaian emas dan zakat suasa dan emas. *Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa*, V.2.
- Akta Takaful 1984 (Akta 312) (International Law Book Services Kuala Lumpur 2008).
- Al-Khin, M., Al-Bugha, M., & Al-Shurbaji, A. (1987). *Al-Fiqh al-Manhaji*. Damsyik: Matba'ah al-Sobah.
- Al-Maqrizi, T. a.-D. (1957). *Ighathah al-Ummah bi Kasyf al-Ummah*. Kaherah: Matba'ah Lil-Jannah.
- Al-Marghinani, A. A. S. (1981). *Al-Hidayah*. Istanbul: Al-Maktabah al-Islamiyah.
- Al-Syarbini, A.-K. (1978). *Mughni al-Muhtaj*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Zarqa', M. A. (1994). *Nizam al-Ta'min Haqiqatuhu wa al-Ra'y al-Syar'i fihi*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- al-Zuhayli, W. (1989). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu* (Vol. 8). Damsyik: Dar al-Fikr.
- Asmak, A. R. (2008). *Sistem Takaful di Malaysia Isu-isu Kontemporari*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Berita, H. (2 Oktober 2012). 50,000 pelabur terjerat, *Berita Harian*.
- Billah, M. M. s. (2007). *Applied Takaful and Modern Insurance*. Kuala Lumpur: Sweet and Maxwell Asia.
- Engku Rabiah, A. E. A. (2008). *Essential Guide to Takaful (Islamic Insurance)*. Kuala Lumpur: CERT Publications.
- Hairi, I. (2010). Emas sebagai pelaburan alternatif. *Dewan Ekonomi, Mei 2010*.
- Hakimi, I. (2004). *History of the gold dinar and its philosophy*. Paper presented at the Gold Dinar Workshop, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hamidi, M. L. (2007). *Gold Dinar : Sistem Moneter Global Yang Stabil dan Berkeadilan*. Jakarta: Senayan Abadi Publishing.
- Hosein, I. N. (2008). *Dinar Emas dan Dirham Perak: Islam dan Masa Depan Wang*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- IBFIM. (2010). *Asas Takaful Buku Panduan*. Kuala Lumpur: Islamic Banking and Finance Institute Malaysia Sdn Bhd.
- Ifta, T. G. P. o. S. R. a. (2012) Retrieved 15 Oktober, 2012, from <http://www.alifta.net/Fatawa/FatawaDetails.aspx?View=Page&PageID=2854&PageNo=1&BookID=2>
- islamicbanker.com. (2012). Takaful Insurance - Explained Retrieved 15 Oktober, 2012, from <http://www.islamicbanker.com/takaful-insurance>
- JAKIM. (2010). *Himpunan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Berhubung dengan Isu-isu*

Muamalat. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Jalaludin, M. N. (2002). *Islamic banking and Takaful : the development and future challenges in Malaysia*. Dissertation (M.B.A), Universiti Malaya.

Kamaruzaman, N. (2001). *A comparative analysis of conventional insurance and Islamic insurance (Takaful) in Malaysia : an emphasis on pricing issues*. Dissertation (M.B.A), Universiti Malaya.

Khan, M. M. (1979). *The Translation of the Meanings of Sahih Buhari*. Lahore: Kazi Publications.

kitco.com. (2012) Retrieved 15 Oktober 2012, from <http://www.kitco.com>

Marhadi. (2010). *Kajian aplikasi akad mudarabah di Pt. Asuransi Takaful Umum Jakarta, Indonesia*. Dissertation (M.Syariah), Universiti Malaya.

Meera, A. K. M. (2002). *The Islamic Gold Dinar*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.

Mohd Fadzli, Y. (1997). *Takaful Sistem Insurans Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.

Mohd. Yusra, A. (2012, 15-16 Feb 2012). *Analisis perbandingan awalan pelaksanaan akaun pelaburan emas : kajian di bank-bank komersial Malaysia*. Paper presented at the Seminar Antarabangsa Penyelidikan Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Muhammad Yamin, I. (1998). *Perbandingan kontrak insurans konvensional dan Islam : analisis khusus terhadap operasi Syarikat Takaful dan MCIS Insurance Berhad di Malaysia*. Dissertation (M.Syariah), Universiti Malaya.

Noor Hashim, T. (2010). *Industri insurans takaful di Malaysia : kajian tentang kesedaran dan kefahaman masyarakat Lembah Kelang*. Thesis (Ph.D.), Universiti Malaya.

Noor Huda, K. (2006). *Pelaksanaan dinar emas : kajian di Singgahsana Emas Sdn Bhd*. Academic exercise (B.A.), Universiti Malaya.

Normawati, I. (2005). *Penggunaan dinar emas : prospek dan cabaran pelaksanaannya pada masa kini*. Academic exercise (BA), Universiti Malaya.

Nur Einsinarni, A. A. (2010). *Penggunaan dinar emas di kelantan : kajian kes di Tanah Merah, Kelantan*. Academic exercise (B.A.), Universiti Malaya.

Nur Naimah, A. M. (2011). *Perlaksanaan jual beli emas di Singapura dari perspektif muamalat Islam*. Academic exercise (B.A.), Universiti Malaya.

Pg. Noor Asmawi, P. H. A. (2005). *Takaful Kepentingan dan Hukum-hukum Pelaksanaannya*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Salmy, E. Y. (2005). *Dinar emas : kajian kemungkinan pelaksanaannya di Malaysia*. Dissertation (M.Syariah), Universiti Malaya.

Salmy, E. Y. (2011). *Mekanisme Pelaksanaan Dinar Emas dalam Sistem Semasa*. Thesis (Ph.D.) -- Program Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2010, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sennholz, H. F. (1975). *Gold is money*: Greenwood Press.

Siti Rizadiana, R. (2011, 14 Februari). Kadar Inflasi di Malaysia Membimbangkan. *Konsumer Kini*.

Suria, J. (2011). Serambi emas tukar wang kertas kepada emas. *Dewan Ekonomi, Ogos 2011*.

Utusan, M. (3 Februari 2012).

Vadillo, U. I. (2002). *The Return of the Islamic Gold Dinar*. South Africa: Madinah Press.

Zaharuddin, A. R. (2008). *Wang, Anda dan Islam*. Petaling Jaya: True Wealth Sdn Bhd.

Zuhaimy, I. (2003). *Kembalinya Dinar Emas dan Dirham Perak*. Johor: UTM Skudai.